

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	17	RUANGAN	Ekonomi

Berupaya peruntuk 20 peratus daripada RM36 bilion **TH perluas pelaburan harta tanah**

Oleh NORLAILI ABD. RAHMAN .

ekonori@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 7 Feb. - Lembaga Tabung Haji (TH) berhasrat untuk meluaskan pelaburannya di dalam bidang harta tanah pada tahun ini berikutkan pulangan positif perniagaan tersebut kepada prestasi kewangan syarikat pada tahun kewangan 2012.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Paduka Ismee Ismail berkata, TH mempunyai kapasiti sehingga 20 peratus daripada keseluruhan dananya yang bernilai RM36 bilion untuk diperuntukkan kepada perniagaan harta tanah.

Bagaimanapun, setakat ini, entiti tersebut hanya menggunakan 13 peratus daripada keseluruhan dana

untuk tujuan tersebut.

"Kami mempunyai ruang yang sangat besar untuk mengembangkan perniagaan harta tanah dan merancangkan untuk meluaskannya pada tahun ini memandangkan ia telah memberi pulangan yang sangat baik kepada syarikat.

Namun, TH tidak akan terburu-buru dalam meningkatkan peruntukan aset pelaburan harta tanah sehingga ke peringkat maksimum kerana segalanya perlu dilakukan dengan penuh teliti," katanya kepada pemberita selepas pengumuman bonus Jubli Emas TH di sini hari ini.

Menurut Ismee, segmen harta-

nah dijangka menyumbang kira-kira lima peratus kepada pendapatan TH dan buat masa ini, entiti itu sedang membina Kompleks Haji berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang dan Kompleks Haji di Alor Setar.

Jumlah aset pelaburan TH pada tahun kewangan lalu merekodkan lonjakan sebanyak 22 peratus kepada RM38.4 bilion berbanding RM31.4 bilion sebelumnya.

Ia mencatatkan keuntungan selepas zakat dan cukai sebanyak RM2.1 bilion, meningkat 27 peratus pada tahun kewangan 2012 berbanding RM1.7 bilion sebelumnya.

Ini didorong oleh peningkatan pendapatan yang melonjak 28 peratus kepada RM2.8 bilion tahun lalu berbanding RM2.2 bilion tempoh yang sama sebelumnya.



BANDAR Enstek merupakan salah satu projek harta tanah yang dibangunkan oleh Tabung Haji menerusi anak syarikatnya, TH Properties Sdn. Bhd. - GAMBAR HIASAN